

# Praktis *Shamanism* dalam Kalangan Etnik Beragama Islam di Pitas, Sabah: Penilaian Menurut Perspektif Islam

Khairulnazrin Nasir<sup>1\*</sup>, Rahim Kamarul Zaman<sup>1</sup>,  
Muhammad Adam Abd. Azid<sup>1</sup>, Abdul Azib Hussain<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Malaysia.*

\*Corresponding Author

khairulnazrin19@gmail.com\*, abdulrahimkz51@gmail.com,  
adamsaifulislam@gmail.com, azibhussain83@gmail.com

Received: 26 July 2022

Accepted: 13 October 2022

Online First: 1 November 2022

## ABSTRAK

*Shamanism merupakan istilah dalam bidang antropologi yang merujuk kepada aktiviti berkaitan dengan pawang, dukun dan perbomohan. Shamanism ialah satu bentuk daripada kepercayaan dan amalan yang dilakukan oleh individu yang dianggap memiliki kuasa dan pengaruh terhadap anasir ghaib dan makhluk supernatural. Etnik dan bangsa di negara ini turut memiliki pelbagai kepercayaan dan amalan shamanism, termasuk etnik-etnik peribumi yang beragama Islam di daerah Pitas, Sabah. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan ialah suatu usaha untuk mengenal pasti bentuk kepercayaan dan amalan berhubung shamanism yang terdapat dalam kalangan mereka. Data-data dikumpulkan berdasarkan metode temu bual. Seramai tujuh orang informan terlibat dalam beberapa siri wawancara. Para informan terdiri daripada warga emas dan tokoh-tokoh masyarakat tempatan. Hasil penelitian mendapati bahawa kepercayaan dan amalan shamanism masih wujud dan dipraktikkan dalam kalangan warga Muslim di Pitas, Sabah. Segelintir anggota masyarakat terlibat dengan perkara syirik, khurafat dan tahayul, seperti ritual pemujaan, black magic dan lain-lain.*



*Oleh yang demikian, isu ini perlu diambil perhatian oleh pelbagai pihak, khususnya agensi agama, termasuk JAHEINS, pemimpin masyarakat dan pendakwah demi menjaga kelestarian akidah yang sah.*

**Kata kunci:** *Akidah, Animisme, Antropologi, Pitas Sabah, Shamanism*

## **Practice of Shamanism Among Ethnic Muslim Religion In Pitas, Sabah: Assessment According Islamic Perspective**

### **ABSTRACT**

*Shamanism is a term in anthropology that refers to activities related to charmers, shamans, and witchcraft. Shamanism is a form of belief and practice performed by individuals who are considered to have power and influence over supernatural elements and supernatural beings. Ethnicities and races in this country also have various beliefs and practices of shamanism, including indigenous ethnicities who are Muslim in the Pitas district, Sabah. Therefore, this study aims to identify the form of belief and practice related to shamanism found among them. The data was collected based on the interview method. A total of seven informants were involved in a series of interviews. The informants consist of senior citizens and local community figures. This research found that the belief and practice of shamanism still exists and is practised among Muslims in Pitas, Sabah. A few community members are involved in shirk, superstition, and superstition, such as worship rituals, black magic, and others. Therefore, this issue needs to be considered by various parties, especially religious agencies, including JAHEINS, community leaders, and preachers, to maintain the sustainability of the authentic faith.*

**Keywords:** *Animism, Anthropology, Belief, Pitas Sabah, Shamanism*

### **PENDAHULUAN**

Kepercayaan terhadap alam dan entiti ghaib, semangat yang berwatak baik dan jahat sangat mempengaruhi pandangan (*world view*) dan budaya

masyarakat dunia. Kerangka adat dan amalan mereka berkonsepkan kelestarian dan keharmonian antara alam nyata dan alam ghaib. Dalam kebanyakan budaya dunia, alam ghaib dipercayai memiliki misteri dan didiami oleh entiti ghaib atau makhluk *supernatural* (Khairulnazrin & Khadher, 2020). Justeru, perhubungan alam nyata dan alam ghaib perlu diuruskan dengan baik supaya tiada masalah berlaku dalam sesebuah komuniti. Dua dimensi nyata dan ghaib dipercayai mampu dihubungkan melalui golongan *shaman*. Individu ini dikenali dengan pelbagai nama dan gelaran berdasarkan budaya dan bangsa (Toth, 2019; Hultkrantz, 1985).

Istilah *shaman* berasal daripada perkataan Mongolia (Bumochir, 2014). Dalam banyak kawasan di dunia, *shaman* dipercayai boleh menghalau roh jahat atau membawa kebaikan terutamanya dengan merawat penyakit (Hultkrantz, 1985; Kakar, 1991; Tate, 1999). Beberapa kajian mendapati bahawa golongan *Shaman* memperoleh kuasa luar biasa daripada hubungan langsung dengan kuasa ghaib, sama ada menerusi mimpi atau bersawai (McNamara & Bulkeley, 2015). Dalam *An Encyclopedia of Shamanism*, shamanism ditakrifkan sebagai penghubung dan orang-orang pakar tentang alam roh (*spirit-medium*). Mereka digelar sebagai dukun, bomoh dan pawang (Christina, 2007; Walter, 2001; Boyle, 1972). Menurut Winkelman (2021), *shaman* diertikan sebagai individu yang memiliki kekuatan magis dan dikenali sebagai pawang.

Sifat dan kekuatan adikudrati yang melebihi kudrat manusia mendorong mereka berusaha untuk mendapatkan manfaat melalui kaedah interaksi dengan makhluk *supernatural*. Ada yang menggunakan khidmat mereka untuk mendapatkan kepentingan peribadi, malah turut mengeksploitasinya bagi tujuan jahat seperti sihir (Hashim, 2007). Misalnya, pendukung aliran spiritualisme meyakini bahawa roh orang mati dapat dihubungi menerusi suatu “medium” dan dapat memberikan informasi tentang dimensi lain atau alam ghaib (Carroll, 1997). Dalam pada itu, hubungan baik dengan makhluk *supernatural* juga dijalinkan dengan melakukan ritual pemujaan semangat alam, bagi mendapatkan hasil pertanian yang baik dan kelapangan rezeki (Hussin, 2008, Kok, 2012; Tugang, 2016).

Dalam antropologi, *shaman* mengetahui secara mendalam tentang entiti ghaib. Makhluk *supernatural* dipercayai wujud dalam dimensi yang berlainan dan tidak tertakluk kepada kanun fizik manusia (Partridge, 2009).

Walau bagaimanapun, ia dianggap mampu mempengaruhi kehidupan manusia, sama ada negatif atau positif, malah turut mempengaruhi fenomena-fenomena alam seperti kilat, pelangi, banjir dan asal usul kehidupan (Zhong, 1976; Ellis & Bjorklund, 2004).

Bagi segelintir budaya, makhluk *supernatural* diyakini memiliki watak dan perilaku jahat serta boleh mendatangkan bahaya kepada manusia. Sebaliknya, makhluk *supernatural* seperti roh nenek moyang adalah berwatak baik, dipuja dan disembah oleh keturunannya (Richard, 1994). Perasaan bimbang dan ketakutan terhadap ancaman daripada makhluk *supernatural* (Storm & Rock, 2009) mendorong manusia untuk mendapatkan pendinding dan perlindungan. Maka, teretusnya amalan pemujaan menerusi ritual tarian (Hussin, 2018), alunan muzik (Mohd Yusoff, 2001) dan penyediaan sajian kepada makhluk *supernatural*, demi menghindari amarah mereka (Hussin, 2008). *Shaman* juga bertanggungjawab dalam acara keagamaan dan upacara kematian (Winkleman, 2010). Kepakaran golongan *shaman* menjadikan mereka dianggap individu penting dalam sesebuah komuniti.

Antara kajian awal tentang *shaman* di alam Melayu ialah penulisan R.O. Winstedt, dalam bukunya *Shaman Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic* banyak memaparkan unsur keluarbiasaan yang melibatkan penggunaan azimat dan wafak dalam amalan orang Melayu (Winstedt, 1925). Dalam konteks kepercayaan dan budaya Melayu, individu yang dikaitkan dengan perhubungan antara alam ghaib dan alam nyata dipanggil bomoh, pawang, dukun, bidan, tabib, tok batin, guru silat dan sebagainya (Mohd. Taib, 1977; Hussin, 2003).

Peranan *shaman* sangat besar dalam soal mengendali penyakit yang berpunca daripada gangguan makhluk ghaib. Anggota masyarakat yang sakit berpunca daripada angkara makhluk *supernatural* akan dirawat dan dipulihkan dengan kaedah pengubatan dan rawatan tradisional (A. Samad, 1988). Bangsa Melayu sangat masyhur dengan pendekatan pengubatan secara tradisional untuk memulihkan semangat dan melindungi diri daripada kejahatan dan gangguan makhluk *supernatural* (Harun, 2001). Di samping menggunakan ayat suci al-Quran, implementasi pengubatan tradisional Melayu juga diresapi dengan jampi serapah dan mantera yang berunsurkan kepercayaan animisme, ajaran Hindu, serapah dalam bahasa Thai dan Pegu (Nurdeng & Hayati, 2011; Deuraseh, 2017).

Ternyata kewujudan golongan *shaman* masih wujud sejak dahulu sehingga zaman moden. Keberadaannya turut disertai dengan praktis dan kepercayaan berunsur shamanism seperti yang telah dijelaskan. Kelestarian isu ini berpunca daripada interaksi dan kewujudan ancaman daripada makhluk *supernatural* sehingga khidmat *shaman* masih diperlukan. Oleh yang demikian, makalah ini berusaha untuk mengenal pasti dan membahaskan praktis *shamanism* yang wujud dalam kelompok etnik-etnik beragama Islam yang mendiami daerah Pitas, Sabah. Daerah ini dipilih sebagai tempat kajian adalah sebagai suatu sampel kerana negeri Sabah terkenal dengan kepelbagaian agama dan kepercayaan, etnik dan warisan kebudayaan tradisional (Ahmad & Holdsworth, 1995; Mohd Khalli, 2021).


## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan pendekatan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Metode temu bual telah diaplikasikan sebagai kaedah utama dalam pengumpulan data. Tujuh orang informan telah dipilih untuk diwawancara dalam beberapa siri temu bual sepanjang bulan Ogos 2014 hingga bulan Januari 2015. Para informan terdiri daripada kalangan tokoh-tokoh masyarakat di daerah Pitas, Sabah. Justifikasi pemilihan informan adalah berdasarkan kedudukan, pengetahuan, pengalaman serta kepelbagaian kaum dan etnik yang mampu mewakili kelompok masing-masing. Prosedur temu bual dilakukan secara separa berstruktur yang dijalankan secara bersemuka antara bulan Ogos 2014 hingga Januari 2015. Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis transkripsi temu bual, dengan bantuan perisian NVivo. Fokus temu bual ialah tentang jenis-jenis *shaman* yang ada di daerah Pitas, dan masih menjalankan aktiviti dan praktis *shamanism* serta pengaruhnya dalam adat dan kepercayaan setempat.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini merumuskan bahawa *shamanism* merupakan praktis yang berhubung dengan individu yang dikenali sebagai *shaman*, dukun, pawang, bomoh, dan sebagainya. Peranannya untuk merawat penyakit, memulihkan semangat, mengurangkan trauma yang menjejaskan jiwa, sementelahan menyembuhkan tubuh badan fizikal anggota masyarakat. Selain itu, mereka

dipercayai mampu berinteraksi dengan makhluk *supernatural*, memasuki alam ghaib atau dimensi lain, mengepalai ritual-ritual agama dan pengurusan upacara kematian anggota masyarakat, membuka portal antara alam ghaib dan nyata. Bagi tujuan komunikasi, mereka menggunakan kata-kata magis seperti jampi, serapah atau mantera. Rumusan kepada konsep *shamanism* dirumuskan seperti dalam Rajah 1 di bawah:



**Rajah 1: Konsep *shamanism***

Berdasarkan penilaian menurut perspektif Islam, terdapat praktis animisme yang berunsurkan syirik, seperti jampi serapah yang mengandungi pemujaan syaitan, mayat, sihir bagi tujuan khianat dan sebagainya. Selain itu, sebahagian praktis diklasifikasikan sebagai amalan dan kepercayaan khurafat, seperti mengelakkan gangguan hantu dengan membuka pakaian, membela ikan puyu dan burung murai, dan sebagainya.

## **PERBINCANGAN**

Pada bahagian ini, kajian akan membincangkan secara terperinci dan komprehensif tentang bentuk kepercayaan dan amalan *shamanism* yang pernah wujud dan masih dipraktikkan dalam kalangan komuniti Muslim daripada pelbagai etnik di daerah Pitas, Sabah. Selanjutnya, perbincangan disusuli dengan penilaian terhadap kepercayaan dan praktis *shamanism* berkenaan berdasarkan syariat Islam.

## **Bentuk-bentuk Kepercayaan dan Praktis *Shamanism***

Agama Islam memiliki pengaruh yang besar dalam aktiviti kehidupan etnik-etnik Muslim di daerah Pitas, Sabah. Orang Sungai, Bajau, Bugis, Kimaragang dan sebagainya sejak turun temurun telah menganut agama Islam. Rukun dan asas agama dimaknakan sejajar dengan kehendak syariat (Yahya Said, 27 Januari 2015). Namun, dalam beberapa praktik adat resam, kepercayaan kepada semangat, roh, makhluk *supernatural*, pantang larang, amalan pengobatan dan sebagainya, mereka masih lagi berpegang kepada ajaran nenek moyang yang diwarisi secara turun-temurun. Perinciannya seperti berikut:

### 1. Kepercayaan kepada makhluk *supernatural*

Kepercayaan kepada makhluk *supernatural*, hantu, penunggu, jembalang dan seumpamanya mendorong kepada kewujudan praktis *shamanism*. Watak dan perwatakan entiti ghaib yang wujud dalam kepercayaan dan praktis *shamanism* etnik-etnik di Pitas ialah:

- (a) Roh orang mati dipercayai mampu diseru oleh dukun atau pengamal ilmu hitam menerusi upacara tertentu. Roh berkenaan akan hadir, sama ada melalui kaedah merasuk badan pemuja atau badan orang lain. Amalan ini dikenali sebagai upacara “menurun.” Selain berniat jahat dan membalas dendam terhadap roh seseorang, roh yang diseru itu juga dipercayai mampu dipergunakan bagi maksud untuk menyihir seseorang, sehingga menyebabkan individu sasaran meninggal dunia atau jatuh sakit (Ali Asgar, temu bual, 30 September 2014).
- (b) *Balan-balan* ialah gelaran kepada roh pengamal ilmu hitam yang bersatu dengan syaitan. Entiti ini sering menyakat dan mengganggu kanak-kanak serta menggemari darah wanita selepas bersalin. Terdapat bacaan jampi yang khusus untuk menghindari daripada gangguan dan kejahatannya. Hasilnya, *balan-balan* akan jatuh ke tanah sama ada dalam bentuk seperti kayu, kain dan sebagainya. Pada masa yang sama, rohnya tidak lagi kembali ke badan pengamal ilmu hitam dan kononnya jasad pengamal itu juga akan mati (Ali Asgar, temu bual, 30 September 2014).

- (c) Hantu Bangkit dipercayai merupakan roh-roh orang jahat yang tidak diterima oleh Allah SWT di alam Barzakh. Hantu ini kononnya akan bertemu dengan imam untuk meminta untuk disedekahkan pahala bacaan surah al-Fātihah, istighfar dan sebagainya (Ali Asgar, temu bual, 30 September 2014).
- (d) Hantu *Kokok* sering mengganggu kanak-kanak dengan menyembunyikan mereka yang bermain pada waktu senja. Hantu ini juga dipercayai akan mengganggu individu yang bermulut celopar ketika berada di dalam hutan atau di laut. Jika seseorang mengalami gangguan, dia harus bertelanjang atau membuka pakaian dan memakainya secara terbalik (Ali Asgar, temu bual, 30 September 2014).

## 2. Amalan sihir dan ilmu hitam

Segelintir masyarakat Islam di Pitas juga terlibat dengan *shamanism* dalam bentuk praktis pengamalan ilmu hitam, sihir dan pemujaan jin dan syaitan. Beberapa dekad yang lalu, daerah Pitas terkenal dengan pengamalan sihir dan ilmu hitam seperti berikut:

- (a) *Saudagar Sumanandar*: Sihir paling ditakuti di sekitar Sungai Bengkoka. Mangsanya akan sakit dan orang yang menyentuhnya juga akan ditimpa sakit. Apabila berlangsungnya majlis perkahwinan, pengamal-pengamal ilmu sihir ini akan membacakan mantera dan mengenakan sihirnya kepada pengantin untuk menunjukkan kehebatan sihir masing-masing (Amir Mayung, temu bual, 30 Ogos 2014).
- (b) Mencuri mayat untuk pemujaan: Semasa menggali kubur, pengamal ilmu hitam mengenakan tangkal pada badannya untuk menghindari daripada diganggu oleh hantu. Terdapat juga individu yang mencuri jenazah sebelum dimandikan dengan menggunakan khidmat jin belaan. Kehilangan jenazah yang dicuri tidak akan disedari oleh ahli keluarga. Semasa memandikan jenazah, tubuh yang terbujur itu berbunyi seperti batang pisang apabila disentuh (Abdul Ghafar, temu bual, 27 September 2014).



- (c) *Ilmu Bangkit Tua*: Pengamalnya sentiasa bertenaga, tidak akan kepenatan meskipun sedang melakukan kerja-kerja berat. Apabila ditimpa sakit, pengamal ilmu ini akan sembuh dalam tempoh yang singkat. Pengamal ilmu ini tidak akan meninggal dunia melainkan setelah menyerahkan “khadam” kepada pewaris yang baharu. Sebelum mendapatkan “khadam” jin tersebut, pemujaan yang mengandungi hidangan jamuan dan jampi serapah perlu dilakukan di rumah yang usang dan jauh dari orang ramai (Ali Asgar, temu bual, 30 September 2014).
  
- (d) Jin khadam dipergunakan oleh bomoh-bomoh dalam amalan pengubatan tradisional. Kaedahnya ialah dengan cara menghidangkan beberapa talam makanan untuk jin di halaman rumahnya pada siang hari. Pelanggan akan hadir pada waktu malam untuk mendapatkan rawatan atau perkhidmatan lain seperti mencari barang yang hilang. Nama-nama jin yang diseru semasa pemujaan adalah berbeza mengikut tempat dan bahasa etnik berkenaan. Antara nama-nama jin khadam ialah “*Raja-raja*”, “*Nenek Rembunga*”, “*Belio Jaman*”, anak lelakinya bernama “*Sari Gunung Ledang*” dan anak perempuan yang cantik bernama “*Si Kakaran Matahari*”. Jin-jin itu bersilih ganti dalam tubuh bomoh berdasarkan permintaan. (Ali Asgar, temu bual, 30 September 2014).
  
- (e) Pemujaan Kubur: Pengamal ilmu hitam berusaha untuk mendapatkan kekuatan adikudrati dan objek-objek keramat menerusi pemujaan kubur, sama ada kubur lama atau baharu. Ucara itu mesti dilakukan pada waktu malam dan tidak boleh diketahui oleh sesiapa. Pemuja perlu bertapa untuk beberapa hari sehingga munculnya cahaya yang terang. Dalam tempoh kira-kira 20 minit, pemuja boleh memohon sebarang permintaan seperti kekuatan tubuh badan dan objek sakti seperti tongkat dan batu. Pemujaan mesti dilakukan dengan cermat dan mengikut pantang larang. Sekiranya berlaku kecuaiian, pengamal ilmu hitam itu akan menjadi bisu, gila atau bertukar menjadi batu (Ali Asgar, temu bual, 30 September 2014).

- (f) Ilmu *Penanggal*: Jelmaan pengamal ilmu ini hanya berkepala, terbang dengan membawa organ-organ dalaman dan dapat dilihat oleh mata kasar. Pengamal ilmu hitam ini boleh dikenali dengan tanda kemerahan di sekeliling leher dan matanya sentiasa kemerahan. Pengamalnya dikatakan mempunyai kekuatan luar biasa. Pemujaan dilakukan dengan menghisap darah manusia terutama darah wanita selepas bersalin (Kalbin Baluk, temu bual, 4 September 2014).
- (g) *Kasi Darah*: Upacara yang dilakukan untuk mendapatkan pertolongan daripada makhluk halus ketika berlaku kemarau, banjir atau bencana alam. Anggota masyarakat akan keluar secara beramai-ramai dan menyembelih ayam di pokok-pokok besar yang dianggap mempunyai penunggu. Setelah hadirin menjamu selera, sisa makanan hendaklah ditinggalkan di situ dan tidak boleh dibawa pulang. Dipercayai hantu yang menjadi penunggu pohon tersebut akan memakannya. (Sulaiman Ayu, temu bual, 10 Ogos 2014).
- (h) *Sajian Momokan*: Sajian tahunan untuk jin penjaga kampung supaya tidak mengganggu penduduk kampung. Kepercayaan menjamu dengan menggunakan ancak ini masih ada sehingga sekarang terutamanya bagi mereka yang masih berpegang dengan saka atau “tok-nenek”, jembalang dan sebagainya. Kadangkala sajian *momokan* juga digantung pada sebatang pokok di tepi hutan dan dibiarkan di situ untuk dimakan oleh hantu (Awang Nasran, temu bual, 3 September 2014).
- (i) *Memulus*: Upacara pemujaan makhluk halus yang dilakukan bagi tujuan rawatan apabila seseorang itu ditimpa penyakit misteri (Mohamad Sari, temu bual, 31 Oktober 2014).
- (j) *Babar-babar*: Seseorang yang hendak qada hajat ketika berada di dalam hutan, tempat-tempat yang sunyi, di kawasan lapang atau hendak melalui sesuatu kawasan atau pokok besar hendaklah meminta izin terlebih dahulu daripada jin atau penunggu yang kononnya mendiami tempat tersebut (Mohamad Sari, temu bual, 31 Oktober 2014).

- (k) Membela ikan puyu (*korok*): Dipercayai boleh menepis gangguan makhluk halus dan pendinding daripada sihir dan santau. Ikan ini dipelihara dalam baling atau akuarium dan diletakkan di mana-mana sudut rumah, restoran atau premis perniagaan khususnya di bahagian pintu masuk. Jika ada serangan sihir atau gangguan makhluk halus, *ikan korok* akan bertindak agresif dan melompat-lompat (Sulaiman Ayu, temu bual, 10 Ogos 2014).
- (l) Membela burung Murai: Bunyi burung murai pula adalah petanda kewujudan hantu di kawasan itu (Muhammad, 2014).
- (m) Penggunaan kayu: Beberapa jenis kayu seperti *komborongo* (jerangau), *deliwos*, buluh dan sebagainya digantung dalam rumah untuk menghindari gangguan makhluk halus dan mengelakkan wabak penyakit (Muhammad, 2014).
- (n) Penggunaan cermin: Meletakkan cermin di pintu atau tingkap rumah dapat menghalau makhluk halus (Ali Asgar, temu bual, 30 September 2014).

### **Penilaian Praktis *Shamanism* di Daerah Pitas Sabah menurut Perspektif Islam**

*Shaman, kāhin*, pawang, dukun, bomoh, tok batin, ahli nujum dan tukang tilik adalah individu-individu yang dianggap mempunyai kebolehan luar biasa terutama dalam ilmu kebatinan. Mereka berperanan sebagai perantara bagi alam nyata dan alam ghaib serta berpengetahuan tentang selok-belok ritual pemujaan roh. Justeru, golongan ini dijadikan rujukan ketika dalam urusan-urusan penting seperti meneroka tanah dan menanam padi, menjaga tanaman, menjaga harta dan keturunan mereka. Dalam pemujaan makhluk *supernatural*, permainan atau hiburan dalam masyarakat animis akan dipenuhi dengan jampi serapah yang bertujuan untuk melindungi anggota masyarakat daripada segala bencana dan menghalau jin dan hantu daripada mengganggu persembahan.

Apakah perspektif Islam terhadap praktis dan kepercayaan *shamanism*? Kajian ini merumuskannya seperti berikut:

1. Amalan bacaan jampi serapah dan mantera yang tidak menepati syarak adalah ditegah dan haram. Pemujaan makhluk hadis sama ada memohon pertolongan dan perlindungan adalah perbuatan syirik (Jaafar et al., 2020) Ini berdasarkan hadis ‘Awf bin Mālik al-Ashja‘ī bahawa beliau berkata:

كُنَّا نَرْقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ تَرَى فِي ذَلِكَ فَقَالَ: اعْرَضُوا عَلَيَّ رُقَاكُمْ، لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ.

Terjemahan: “Kami telah berjampi pada zaman Jahiliah, maka kami bertanya, “Ya Rasulullah, bagaimana pandangan tuan mengenai perkara-perkara tersebut? Maka baginda bersabda, “Tunjukkan kepadaku jampi kamu itu. Tidaklah mengapa dengan melakukan jampi selagi tidak mengandungi syirik.” (HR Muslim, no. 2200 dan Abū Dāwūd, no. Hadis 3886.

2. Ilmu tentang perkara ghaib hanya milik Allah SWT. Perbuatan yang mencemari kemurnian tauhid ialah berjumpa dengan bomoh, penilik nasib atau sesiapa jua yang mendakwa mengetahui ilmu-ilmu ghaib. Ilmu ghaib juga tidak diketahui oleh Rasulullah SAW secara mutlak, melainkan dengan wahyu. Oleh itu, mana-mana individu yang mendakwa mengetahui perkara ghaib adalah pendusta dan kafir (Salih, 2002). Oleh itu, dakwaan dan cerita dari alam ghaib merupakan suatu khurafat dan tahayul.
3. Semua sumber dakwaan tentang ilmu ghaib hasil daripada praktik sihir dan interaksi *shaman* dengan syaitan. Nabi SAW menyatakan tiga contoh kaedah yang digunakan oleh tukang tilik dalam meramal seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Qabīṣah bin Mukhāriq r.a, bahawa Nabi SAW bersabda:

الْعِيَافَةُ وَالطَّيْرَةُ وَالطَّرْقُ مِنَ الْجِنِّ.

Terjemahan: “*Iyāfah*, *tharq* (kaedah lakaran atas tanah untuk menilik nasib) dan *ṭiyarah* (tanggapan sial majal) termasuk dalam sihir” (HR Abū Dāwūd, no. 3907. Hadis dinilai sebagai daif oleh al-Albānī dan al-Arnāūṭ).

4. Mendatangi golongan *shaman* sangat ditegah, sama ada untuk bertanyakan sesuatu atau tujuan lain. Seseorang Muslim yang mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib, bererti dia mengiktiraf kemahiran orang itu sebagai mampu mengetahui hal ghaib. Nabi SAW menegaskan bahawa Allah SWT tidak menerima solat individu yang mendatangi golongan *shaman*. Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً.

Terjemahan: “Sesiapa yang datang kepada bomoh, lalu bertanya kepadanya sesuatu, maka solatnya tidak akan diterima selama 40 malam.” (HR Muslim, no 2230).

5. Setiap Muslim hendaklah meyakini bahawa apa yang disampaikan oleh golongan *shaman* adalah pembohongan yang nyata. Sekiranya realiti menepati apa yang dikhabarkan, ia hanyalah kebetulan dan bertepatan dengan takdir. Aisyah RA menyatakan ada sekelompok manusia bertanyakan Rasulullah SAW tentang perihal tukang tilik. Rasulullah SAW bersaba kepada para sahabat, “Mereka itu tidak benar.” Mereka bertanya, “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib lazimnya mengkhabarkan kepada kami sesuatu, kemudian kami dapati ia adalah benar!” Rasulullah menjawab:

تِلْكَ الْكَلِمَةُ مِنَ الْجِنِّ يَحْطَفُهَا الْجَنِّيُّ فَيَقْرُؤُهَا فِي أُذُنِ وَلِيِّهِ قَرَّ الدَّجَاجَةَ فَيَخْلُطُونَ فِيهَا أَكْثَرَ مِنْ مِائَةِ كَذْبَةٍ.

Terjemahan: “Ia adalah kalimah (perkara) benar yang diambil oleh jin lalu dibisikkan kepada telinga pengikutnya, kemudian dijadikan tambahan padanya dengan seratus pendustaan.” (HR al-Bukhārī, 492 dan Muslim, no. 2228).

6. Dunia *shamanism* tidak terlepas daripada praktik sihir dan interaksi dengan makhluk *supernatural* yang digelar sebagai roh orang mati, hantu, jin, penunggu dan sebagainya. Justeru itu, Sunnah mengambil pendirian tegas menentang segala bentuk sihir dan menyenaraikannya dalam dosa-dosa paling besar. Rasulullah SAW bersabda:

اجْتَنَّبُوا السَّبْعَ الْمُوْبِقَاتِ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ  
النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالنَّوَالِي يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَدْفُ  
الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ.

Terjemahan: *Jauhilah kamu daripada tujuh perkara yang membinasakan iaitu syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan hak, mengambil riba, mengambil harta anak yatim, lari dari medan peperangan, dan menuduh perempuan yang mukmin, terpelihara dan suci (melakukan zina).*” (HR al-Bukhārī, no 2766 dan Muslim, no. 89).

Berdasarkan penjelasan di atas, ditegaskan bahawa praktis *shamanism* yang terdapat di daerah Pitas, Sabah merupakan perbuatan syirik seperti amalan sihir, pemujaan jin dan syaitan, penggunaan tangkal dan azimat, memohon pertolongan dan perlindungan daripada makhluk ghaib. Sementara itu, terdapat amalan dan kepercayaan yang dikategorikan sebagai tahayul dan khurafat seperti watak-watak hantu yang berbeza-beza, petua dan amalan untuk mengelakkan gangguan makhluk halus dan sebagainya. Krisis ini perlu dibendung oleh semua pihak terutama golongan agama, pendakwah, guru-guru dan jabatan-jabatan agama.

## KESIMPULAN

Makalah ini telah menjelaskan secara terperinci jenis dan bentuk praktis *shamanism* yang wujud dan masih diamalkan dalam kalangan etnik-etnik beragama Islam di daerah Pitas, Sabah. Kesan daripada perkara tersebut mendatangkan implikasi negatif sehingga terdapat segelintir anggota masyarakat terlibat dengan mendapatkan khidmat *shaman*, pemujaan makhluk *supernatural*, sihir, sementara kelompok yang lain berusaha melindungi diri daripada angkara kejahatan mereka. Implikasinya, keterlibatan golongan *shaman* dan anggota masyarakat dalam praktis *shamanism* boleh menjejaskan akidah, sama ada kerana syirik, khurafat dan tahayul. Oleh yang demikian, para pendakwah, golongan agama, pihak jabatan agama, khususnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEINS) perlu berusaha dan bekerjasama untuk memurnikan dan memantapkan akidah penduduk di daerah Pitas dan negeri Sabah amnya,

berkaitan alam ghaib. Oleh itu, disarankan agar kajian lanjutan perlu diteruskan terhadap susuk kepercayaan yang wujud dalam masyarakat, seterusnya disempurnakan dengan pembangunan modul dan mekanisme bersepadu ke arah pemurnian akidah.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, khususnya kepada tujuh orang informan. Mereka terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat Islam di daerah Pitas, Sabah yang terdiri daripada kalangan imam-imam masjid, ketua kampung dan warga emas.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Semua penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan persaingan sama ada dari aspek kewangan, hubungan peribadi dan selainnya.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Khairulnazrin Nasir dan Rahim Kamarul Zaman terlibat dalam membentuk kerangka konseptual kajian dan pengumpulan data kepustakaan. Penulis Muhammad Adam Abd. Azid dan Abdul Azib bin Hussain memberikan sumbangan dalam pengumpulan data temu bual dan penyediaan transkrip temu bual. Semua penulis terlibat dalam menganalisis data dan penulisan artikel.

## **RUJUKAN**

- A. Samad Ahmad. (1988). Warisan perubatan Melayu. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ahmad, F. B., & Holdsworth, D. K. (1995). Traditional medicinal plants of Sabah, Malaysia Part III. The Rungus people of Kudat. *International Journal of Pharmacognosy*, 33(3), 262–264.

- Boyle, J.A. (1972). Turkish and Mongol shamanism in the Middle Ages. *Folklore*, 83(3), 177–193.
- Carroll, Bret E. (1997). *Spiritualism in Antebellum America Religion in North America*. Bloomington: Indiana University Press.
- Christina Pratt. (2007). *An encyclopedia of shamanism*. New York, The Rosen Publishing Group.
- Soleh al-Fawzan. (2002). *Kitāb al-Tawhīd*. Riyadh, Wizarah al-Shu'ūn al-Islamiyah.
- Deuraseh, N. (2017). Transformasi amalan perubatan tradisional melayu perspektif rukyah. *Jurnal Peradaban*. 3, 83-98.
- Ellis, B.J. & Bjorklund, D.F. (2004). *Origins of the social mind: evolutionary psychology and child development*. Guilford Publications.
- Hashim Awang A.R. (2007). *Bomoh di Kelantan: Dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia.
- Hultkrantz, Å. (1985). The shaman and the medicine-man. *Social science & medicine*, 20(5), 511-515.
- Hussin, H. (2003). Bobohizan dan peranannya di kalangan masyarakat Kadazan daerah Penampang, Sabah. *JATI-Journal Of Southeast Asian Studies*, 8, 15-40.
- Hussin, H., John Baptist, J., & Kitingan, J. (2018). Enriching the soundscape and dsancescape of Sabah through Sumazau. *JATI-Journal Of Southeast Asian Studies*, 23(2), 181-204.
- Jaafar, N., Sawai, R. P., Sawai, J. P., & Kamarududin, S. R. (2020). Ruqyah Syariyyah Dan Regulasi Emosi Anak-Anak Autisme. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020 FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 29-30 October 2020 Paper No. BM020 401 - 414*



- Kakar, S. (1991). *Shamans, mystics and doctors: A psychological inquiry into India and its healing traditions*. Chicago, University of Chicago Press.
- Kok On, L. (2012). Belief in bambarayon (paddy spirits) among the Kadazandusun of north Borneo. *Borneo Research Journal*, pp. 6, 75–101.
- McNamara, P., & Bulkeley, K. (2015). Dreams as a source of supernatural agent concepts. *Frontiers in Psychology*, pp. 6, 283.
- Mohd Khalli, M. N., Sintang, S., Marinsah, S. A., & Abdul Rahman, N. F. (2021). Models of religious solidarity among various beliefs in Sabah, Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 7(2), 17-40.
- Mohd Yusoff, M. (2001). Muzik dan ritual Dalam Masyarakat Cam Di Vietnam. *Jati - Journal of Southeast Asian Studies*, 6, 159-171.
- Mohd. Taib Osman. (1989). Malay folk beliefs: An integration of disparate elements. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khairulnazrin Nasir & Khadher Ahmad. (2020). Roh manusia menurut perspektif agama, falsafah dan budaya dunia: Suatu sorotan literatur. *Rabbanica-Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 119-138.
- Nurdeng Deuraseh & Hayati Lateh. (2011). Rukyah (jampi) dalam perubatan tradisional melayu sebagai rawatan penyakit, pencegahan, pendinding diri dan harta: sumbangan ilmuwan Nusantara. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*.
- Partridge, Kenneth. (2009). *The paranormal*. USA, H.W. Wilson Publishing Co. ISBN 9780824210922.
- Richard Cavendish. (1994). *The world of ghosts and the supernatural*. Basingstoke, Waymark Publications.
- Tate, C. E. (1999). Patrons of shamanic power: La Venta's supernatural entities in light of Mixe beliefs. *Ancient Mesoamerica*, 169-188.

- Toth, A. L. (2019). Shamanistic beliefs and the behavioral immune system. Fullerton, California State University.
- Tugang, N. (2016). Nakar: Ritual peralihan status penenun pua Iban. *Borneo Research Journal*, 10, 68-92.
- Walter, D. (2001). The medium of the message: Shamanism as localised practice in the Nepal Himalayas. *The Archaeology of shamanism*, pp. 105–19.
- Winkelman, M. J. (2021). A cross-cultural study of the elementary forms of religious life: shamanistic healers, priests, and witches. *Religion, Brain & Behavior*, 11(1), 27-45.
- Winkleman, M. (2010). Shamanism and the origins of spirituality and ritual healing. *Journal for the Study of Religion Nature and Culture*, 3(4), 458.
- Winstedt, R.O. (1925). *Shaman saiva and sufi a study of the evolution of Malay magic*. London, Constable & Company Ltd.
- Zhong Yang Yan; Jiu Yuan; Min Tsu Hsüeh & Yen Chiu So. (1976). *Bulletin of the Institute of Ethnology, Academia Sinica*, Issues 42–44.